



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

KKR TERUSKAN KOMITMEN PENYENGGARAAN CERUN 2025 DEMI KELANGSUNGAN JARINGAN PERHUBUNGAN JALAN RAYA

KUALA LUMPUR – Kementerian Kerja Raya (KKR) prihatin dan komited menguruskan secara mapan cerun-cerun di sepanjang Jalan Persekutuan bagi meminimumkan risiko kejadian cerun runtuh pada setiap kali monsun melanda. KKR sedar penutupan jalan yang kerap akibat kejadian cerun runtuh juga menyusahkan rakyat serta boleh menjejaskan aktiviti ekonomi dan perniagaan.

2. Sehubungan dengan itu, KKR pada tahun ini telah menerima peruntukan kewangan daripada Kerajaan sebanyak RM93.374 juta di bawah peruntukan pembangunan P27 KKR bagi kerja-kerja penyenggaraan cerun di Semenanjung Malaysia, termasuk pelaksanaan kerja-kerja bersifat preventif. Peruntukan kewangan ini melibatkan skop kerja-kerja penyelenggaraan berikut:

- (a) sebanyak 50 lokasi kerja-kerja pembaikan cerun baharu yang dikenal pasti akan dipulihkan menerusi Arahan Kerja (AK) dengan kos RM59.885 juta;
- (b) kerja-kerja sambungan penyenggaraan sedia ada akan diteruskan di 29 lokasi dengan anggaran kos sebanyak RM29.233 juta; dan
- (c) sebanyak RM4.255 juta juga diperuntukkan untuk kerja-kerja menaik taraf sistem amaran awal tanah runtuh, kerja pengumpulan data dan pengemaskinian peta bahaya risiko cerun.

3. Pada hari ini, saya telah menyerahkan Arahan Kerja Projek Penyenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan, Semenanjung Malaysia bagi tahun 2025. Syarikat Pintas Utama Sdn. Bhd. merupakan kontraktor yang telah dilantik bagi membantu Kerajaan melaksanakan kerja-kerja pembaikan cerun berdasarkan keperluan dan kelulusan oleh KKR. Kontrak kerja-kerja penyenggaraan ini telah berkuat kuasa mulai Januari 2022 dan akan tamat pada Januari 2028. Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC), Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia pula terus dipertanggungjawabkan sebagai Pengarah Projek untuk merancang, mengurus dan menyelia kerja-kerja penyenggaraan cerun di sepanjang Jalan Persekutuan, Semenanjung Malaysia

4. Secara prinsipnya, pelaksanaan kontrak jangka panjang bagi kerja-kerja penyenggaraan cerun ini mencerminkan keprihatinan dan komitmen Kerajaan MADANI serta iltizam KKR untuk terus menambah baik kualiti infrastruktur jalan raya termasuk cerun-cerun demi keselesaan dan keselamatan pengguna. Menerusi pendekatan baharu ini, kerja-kerja pemantauan cerun, penyenggaraan serta pembaikan cerun yang kritikal dapat ditangani dengan pantas berbanding dengan pelaksanaan proses perolehan biasa.

5. Di kesempatan ini, saya juga ingin melaporkan pencapaian prestasi cemerlang KKR bagi kerja-kerja pembaikan cerun di sepanjang tahun 2024 berdasarkan peruntukan kewangan RM200.285 juta yang diterima seperti berikut:

- (a) sebanyak 166 lokasi pembaikan cerun berjaya dilaksanakan dengan kos sebanyak RM154.345 juta;
- (b) sebanyak 20 lokasi cerun telah dilaksanakan kerja-kerja preventif dengan kos sebanyak RM24.199 juta; dan
- (c) sebanyak RM21.74 juta telah dibelanjakan untuk menaik taraf sistem amaran awal tanah runtuh, kerja pengumpulan data, pengemaskinian peta bahaya risiko cerun dan penyelenggaraan rutin cerun yang merupakan komitmen berterusan Kerajaan.

6. KKR berharap pihak kontraktor terus memacu prestasi dan komited untuk menyiapkan arahan kerja pembaikan cerun dengan menggunakan kaedah atau teknologi terkini, mengikut piawaian ESG dan menyiapkannya dalam tempoh masa ditetapkan atau lebih awal. KKR pula komited untuk memastikan rakyat terus mendapat akses rangkaian jalan raya persekutuan yang berkualiti, selamat dan selesa.

#TAMAT#

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
21 JANUARI 2025